



ROZELI ABDUL GANI (kanan), Mohd. Hairulnizam Tuan Ahmad (kiri) dan Norashikin Osman menunjukkan produk nasi dagang sejuk beku jenama T'Dagang dalam sidang akhbar di Kuala Terengganu, semalam.

T-Kitchen perluas pasaran T'Dagang

Oleh ROSALINDA MD.SAID
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 4 MEI

TERENGGANU Kitchen Sdn. Bhd. (T-Kitchen), pengeluar nasi dagang sejuk beku dengan jenama T'Dagang bakal menembusi pasaran lebih meluas di Malaysia melalui penjualan di rangkaian pasar raya Mydin, Tesco, Giant dan AEON mulai Oktober depan.

Pembantu Pengurus Besar Jualan dan Pemasaran T-Kitchen, Rozeli Abdul Gani berkata, dengan kemasukan produknya di kesemua lokasi berkenaan, nilai jualan produk dijangka dapat dijana mencecah RM400,000 sehingga penghujung tahun ini.

Katanya, ketika ini T'Dagang baharu sahaja dipasarkan di pasar mini T-Mart milik Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) di Kampung Bharu, Kuala Lumpur selepas diperkenalkan buat pertama kali semasa Karnival Pesona Terengganu 2015 di Dataran Merdeka tahun lalu.

"Penjualan di rangkaian yang luas mampu mengetengahkan lagi jenama T'Dagang ke peringkat lebih menyeluruh sebelum kita mengorak langkah

ke pasaran antarabangsa dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Dengan pembukaan kilang di Chendering pada Mac lalu, kita jangka dapat mengeluarkan sehingga 50,000 bungkus nasi dagang tahun ini bagi ditempatkan ke semua rangkaian pasar raya dinyatakan di samping berusaha memasuki pasaran Kedai Mesra milik Petronas," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengurus Pembangunan Perniagaan YPU, Engku Mohd. Hairulnizam Tuan Ahmad dan Ketua Portfolio Pengurusan Pelaburan, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc.), Norashikin Osman.

Nasi dagang yang dijual pada harga pengenalan RM8.50 sebungkus ini boleh didapati dalam empat perisa utama iaitu nasi dagang asli menggunakan ikan tonggol sebagai resepi utama, nasi dagang berlauk ayam, daging dan makanan laut, serta tahan selama enam bulan dari tarikh pembuatan.

Menurut Rozeli, produk makanan tradisional tempatan yang mengekalkan ciri-ciri keaslian itu dibangunkan YPU, Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) serta

Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sejak Jun tahun lalu dengan kos permulaan operasi sebanyak RM200,000.

Sementara itu, beliau memberitahu, T-Kitchen yang ditubuhkan di bawah Menteri Besar Inc. (MBI) turut menerima permintaan daripada pembekal untuk pasaran ke Singapura, Brunei, China, Jepun dan Korea.

Dalam perkembangan lain, katanya, T'Dagang bakal mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi acara Nasi Dagang Terpanjang di Malaysia yang akan dianjurkan di Quinara Al-Safir, Tok Jembal, di sini pada 26 Mei ini.

"Seramai 225 anak negeri terdiri daripada usahawan YPU, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J3K) Parlimen Kuala Nerus dan pelajar Kolej Inforana akan berganding bahu menyediakan 12,000 bungkus nasi dagang sekali gus mencipta rekod pertama nasi dagang terpanjang di Malaysia dengan jarak dua kilometer.

"Usaha yang digerakkan ini secara tidak langsung dapat mempromosikan lagi T'Dagang di samping menjayakan Tahun Melawat Terengganu 2017," katanya.